



Ju Ariana menerima **Anugerah Tokoh Siswa** daripada Menteri Pendidikan II, Datuk Seri Idris Jusoh di Pulau Pinang, baru-baru ini.

Berbakti bukan kerana imbuhan

Oleh Rosniza Mohd
Taha
yoniza@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Pelajar Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Ju Ariana Ibrahim, memecah tradisi apabila mendominasi penerimaan anugerah pelajar berasaskan pembabitan aktif dalam kegiatan sukarelawan berbanding kelaziman ahli majlis tertinggi Majlis Perwakilan Pelajar

(MPP) yang meraih pengiktirafan itu.

Ju Ariana membolot dua daripada tiga anugerah utama Anugerah Tokoh Siswa 2014 anjuran Kementerian Pendidikan baru-baru ini, iaitu Anugerah Menteri Pendidikan dan Anugerah Tokoh Sukarelawan Siswa selain Anugerah Sukarelawan Terbaik.

Mengulas kemenangan besar itu, beliau mengakui tidak menjangkanya kerana pembabitan dalam aktiviti kesukarelawan adalah berasaskan kesedaran tinggi mengenai tanggungjawab menjadi sebaik-baik insan yang banyak memberi manfaat dan kebaikan kepada orang lain.

“Alhamdulillah, syukur de-

PROFIL

Ju Ariana Ibrahim

Umur: 24 tahun

Asal: Klang, Selangor

Hobi: Menulis,

mengembara dan

melaksanakan

program motivasi

Pengajian:

Ijazah Sarjana Muda

Bioteknologi Pertanian

Pencapaian/

Pembabitan dalam

aktiviti kokurikulum:

● Anugerah Menteri

Pendidikan, Anugerah

Tokoh Sukarelawan

Siswa dan Anugerah

Sukarelawan Terbaik

(Anugerah Tokoh

Siswa 2014-

Kementerian

Pendidikan)

● Pengasas dan

Presiden

PERSIS UniSZA

● Ketua Kluster Sosial

dan Budaya Forum

Pemimpin Belia

Aceh-Malaysia 2014

● Naib Presiden 1

Kumpulan Bakat

Terbaik UniSZA 2014

● Ketua Setiausaha

MPP UniSZA

2012/2013

ngan rezeki ini. Saya tidak menjangkakan kemenangan besar ini kerana setiap perkara yang sudah, sedang dan bakal saya lakukan adalah kerana saya memang ingin melakukannya, tidak terdetik hendak mengejar anugerah atau pengiktirafan.

Pintu kemanusiaan

“Pendedahan diterima dengan menyertai pelbagai program ‘mengetuk’ pintu kemanusiaan saya supaya lebih bersyukur dan menimbulkan kesedaran bahawa saya sudah terlalu banyak menerima hingga terlepas pandang terhadap kesusahan dihadapi pelbagai golongan kurang bernasib baik,” katanya.

Antara pengalaman menyentuh hati beliau ialah semasa menyertai program ‘Global Social Responsibility (GSR 3) : Misi Kemanusiaan ke Bumi Islam, Kemboja’ anjuran MPP UniSZA apabila menyaksikan sendiri kehidupan masyarakat Islam negara itu yang serba kekurangan.

“Sewaktu berhajat menunaikan solat sunat Hari Raya Aidiladha bersama-sama masyarakat tempatan, luluh hati melihat ruang solat dan telekung yang amat terhad, membuatkan saya dan rakan terduduk di ruang kecil paling hujung di masjid itu sambil berzikir panjang untuk mengubat hati.

Tubuh PERSIS

“Tiba-tiba terasa bahu kami dicuit daripada belakang, seorang warga emas menghulurkan dua set telekung sambil tersenyum. Kehadiran kami di situ untuk memberi kebajikan kepada mereka yang serba kekurangan dan memerlukan tetapi kami terlebih dahulu yang dibantu,” katanya.

Bagi menggalakkan lebih ramai mahasiswa menyertai kegiatan kesukarelawan, beliau menjadi pengasas penubuhan Pertubuhan Sukarelawan Siswa (PERSIS) di UniSZA bersama-sama Muhammad Nursyazwan Zainuddin, yang diinspirasikan menerusi penyertaannya dalam program Yayasan Sukarelawan Siswa.

Katanya, aktiviti PERSIS yang ditubuhkan sejak 21 Oktober tahun lalu adalah berlandaskan empat kluster utama iaitu pembangunan komuniti, pendidikan dan inovasi, pengurusan krisis sosial serta agribio dan alam sekitar.

